

SOALAN NO: 32

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB TUAN IGNATIUS DORELL LEIKING
[PENAMPANG]**

TARIKH : 7 OKTOBER 2014 (SELASA)

SOALAN :

Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang] minta **PERDANA MENTERI menyatakan :-**

(a) adakah Kerajaan akan menubuhkan jawatankuasa Parlimen untuk membolehkan kajian semula mengenai Perjanjian Malaysia 1963 (yang sepatutnya dibuat setiap 10 tahun bermula pada 1973) dengan 18 & 20 Perkara pada tahun ini;

dan

(b) dan jika ya, adakah keputusan jawatankuasa ini akan diguna-pakai untuk mengemas kini dan membentuk Perlembagaan Malaysia yang baru.

JAWAPAN: YB PUAN HAJAH NANCY SHUKRI
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

1. Perjanjian Malaysia dan undang-undang yang berkaitan dengan pembentukan Malaysia khususnya Perlembagaan Persekutuan dan Akta Malaysia 1963 [Akta 26/1963], tidak memperuntukkan apa-apa kehendak untuk membuat kajian semula terhadap terma-terma Perjanjian Malaysia itu sendiri.
2. Namun demikian, bagi beberapa perkara tertentu yang telah dipersetujui tersebut terdapat peruntukan khusus dalam undang-undang yang membolehkan kajian semula mengenainya dilaksanakan. Antara perkara tersebut adalah seperti yang berikut:
 - (a) Perkara 112D Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan kajian semula berhubung dengan pemberian khas kepada negeri Sabah dan Sarawak dalam tempoh lima tahun atau (kecuali bagi kajian semula yang pertama) apa-apa tempoh lain yang lebih panjang sebagaimana dipersetujui antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri yang berkenaan. Kajian semula tersebut hendaklah mengambil kira kedudukan kewangan Kerajaan Persekutuan dan juga keperluan Kerajaan Negeri yang berkenaan;
 - (b) apa-apa undang-undang yang dibuat oleh Parlimen berhubung dengan larangan atau sekatan penggunaan

bahasa Inggeris dalam urusan rasmi hanya boleh terpakai berhubung dengan urusan rasmi di negeri Sabah dan Sarawak sepuluh tahun selepas Hari Malaysia dan tertakluk kepada pemakaian undang-undang tersebut diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri Sabah atau Sarawak, mengikut mana-mana yang berkenaan; dan

- (c) Kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak tidak dikehendaki untuk mematuhi dasar yang dibuat oleh Majlis Tanah Negara dan Majlis Negara bagi Kerajaan Tempatan melainkan jika Parlimen memperuntukkan selainnya dengan persetujuan daripada Yang di-Pertua Negeri (berhubung dengan Majlis Tanah Negara) atau Dewan Undangan Negeri (berhubung dengan Majlis Negara bagi Kerajaan Tempatan).

3. Sehubungan dengan itu, isu penubuhan Jawatankuasa Parlimen untuk membolehkan kajian semula mengenai Perjanjian Malaysia 1963 (yang dikatakan sepatutnya dibuat setiap 10 tahun bermula pada 1973) dengan 18 & 20 Perkara serta cadangan untuk mengemaskini dan membentuk Perlembagaan Malaysia yang baru tidak berbangkit pada masa ini.

4. Dalam pada itu, Kerajaan telah menubuhkan Jawatankuasa Teknikal Bumiputera Sabah dan Sarawak (JKTBSS) dan Jawatankuasa Kabinet Mengenai Bumiputera Sabah dan Sarawak (JKKMBSS) pada tahun 2009. Kedua-dua Jawatankuasa ini dianggotai oleh Menteri Kabinet dari Sabah dan Sarawak.

5. Kedua-dua Jawatankuasa ini merupakan platform bagi merancang, menyelaras, memantau dan menilai dasar serta strategi pelaksanaan pembangunan dan pengupayaan sosioekonomi masyarakat Bumiputera Sabah dan Sarawak.

Sekian, terima kasih.